

20/04/2000

Iktibar rasuah dalam sejarah

Durokhman Mohd Basri Beseri

SELAIN menceritakan salasilah raja atau sultan negeri Melayu dan adat istiadatnya, Sejarah Melayu juga mencatatkan amalan rasuah yang pernah berlaku pada zaman kesultanan Melayu Melaka sebagaimana yang ditulis oleh Tun Seri Lanang. Cerita atau catatan mengenai amalan rasuah ini selalu dilupakan ketika kita mengkaji dan mempelajari Sejarah Melayu yang menjadi rujukan apabila memperkatakan kesultanan Melayu silam. Amalan rasuah adalah salah satu faktor yang melemahkan kesultanan Melaka hingga kalah di tangan Portugis.

Cerita mengenai amalan rasuah dicatatkan oleh Tun Seri Lanang dalam Sejarah Melayu pada bahagian ke-27, ke-29 dan ke-30. Amalan rasuah menjadi punca Yang Di Pertuan Pahang Sultan Abdul Jamil turun takhtanya meskipun bukan baginda yang mengamalkan rasuah.

Pahang pada masa pemerintahan Yang Di Pertuan Sultan Abdul Jamil dua kali "mendapat malu" daripada Melaka kerana rakyatnya mudah menerima rasuah daripada pembesar Melaka sehingga hilang taat setianya kepada Sultan Abdul Jamil. Hilangnya Tun Teja diculik dan dibawa lari oleh Hang Nadim ke Melaka dan hilangnya gajah kenaikan Sultan Abdul Jamil dicuri oleh Laksamana Khoja Hasan akibat penjaga yang diamanahkan tugas menerima rasuah. Akibat semua ini Sultan Abdul Jamil turun dari takhta dan digantikan oleh anaknya, Sultan Mansor Syah. Tun Seri Lanang mencatatkan cerita ini dalam bahagian ke-29 buku Sejarah Melayu, iaitu:

"Maka oleh Hang Nadim si pelulut itu diberinya emas dan kain baju terlalu banyak. Telah ia memandang harta banyak itu maka tertawanlah hatinya oleh harta dunia. Maka si pelulut itupun mengakulah menanggung rahsia Hang Nadim."

Si pelulut yang mendapat kepercayaan Datuk Bendahara sehingga membolehkannya keluar masuk kediaman Datuk Bendahara dirasuah oleh Hang Nadim supaya membawa keluar Tun Teja dengan segala pujuk rayu. Untuk mempermudah rancangan membawa lari Tun Teja ke Melaka sasaran rasuah Hang Nadim seterusnya adalah penjaga pintu rumah kediaman Datuk Bendahara, sebagaimana diungkap dalam Sejarah Melayu:

"Setelah hari malam, maka Hang Nadim pun memanggil si pelulut disuruhnya emasi segala penunggu pintu itu. Maka segala penunggu itupun setialah dengan Hang Nadim. Telah hampir dinihari, pada ketika orang tidur, maka oleh si pelulut dibawanya Tun Teja keluar. Maka penunggu pintu pun membukakan pintu, dan Hang Nadim pun telah ada menanti di luar..."

Jadi kunci utama kejayaan misi Hang Nadim membawa Tun Teja ke Melaka bukan kerana kesaktian yang dimiliki mahupun menggunakan ilmu pukau tetapi melalui amalan rasuah. Demikian juga waktu Laksamana Khoja Hasan mencuri gajah kenaikan Sultan Abdul Jamil dan membawanya ke Melaka, dalam Sejarah Melayu disebutkan:

"Adapun Laksamana berlabuh itu hampir tempat orang memandikan gajah kenaikan Sultan Pahang. Apabila segala gembala gajah membawa gajah mandi, maka dipanggil oleh Laksamana, diberinya makan dan diberinya emas. Maka segala gembala gajah semuanya kasih akan Laksamana Khoja Hasan itu, makin gembala I Kepenyang itu jangan dikata lagi, ia sangat diminatinya oleh Laksamana, dan perahunya sekerat dihampakannya diperbaikinya, kerana Laksamana pergi ke Pahang itu hanya empat buah."

Demikianlah akibat perbuatan menerima rasuah oleh penjaga atau pemegang amanah yang menyebabkan Pahang menerima malu daripada Melaka dan kehilangan dua harta yang berharga. Sebelumnya bahagian ke-27 buku Sejarah

Melayu juga menceritakan amalan rasuah di kalangan penjaga pintu rumah kediaman Seri Nara Diraja, iaitu:

"Adapun akan Tun Manda, telah besarlah, berumah sendirinya. Maka oleh Patih Adam diemasnya segala penunggu pintu Seri Nara Diraja, katanya pada penunggu pintu, 'Berilah aku masuk dengan empat puluh orang peria ini juga.' Maka kabullah penunggu pintu itu memberi masuk ke rumahnya Tun Manda; sebab ia kena upah itu hilanglah setianya, sungguh seperti kata amirul-mukminina Ali karamallahu wajhahu, La khayra fil wafai ala man la asla lahu; yakni sia-sia berbuat baik atas orang yang tiada berbangsa baginya."

Selain mencatatkan amalan rasuah yang dilakukan oleh penjaga (askar?) Sejarah Melayu juga menceritakan perilaku rasuah di kalangan pegawai penguatkuasa undang-undang dan pembesar pada zaman kesultanan Melaka. Contohnya ialah apa yang dilakukan oleh pengikut Tun Hasan Temenggong apabila mereka kekurangan wang belanja. Mereka akan melaporkan pada Tun Hasan Temenggong mengenai keadaan rumah di sepanjang jalan yang susunannya tidak betul dan tidak teratur yang jika dilihat oleh Sultan Melaka boleh menyebabkan sultan murka terhadapnya. Perkara ini dinyatakan dalam bahagian ke-30, iaitu:

"Maka segala orang muda-muda Tun Hasan Temenggong pun pergilah dengan petanda merentang tali. Maka oleh segala orang muda-muda, pada tengah rumah saudagar yang kaya-kaya itu direntangnya tali, disuruhnya robohkan. Maka segala saudagar itu menyorong, ada yang seratus, ada yang dua ratus, ada yang tiga puluh, empat puluh kepada seorang. Maka diambilnya oleh segala orang muda-muda Tun Hasan Temenggong, diperbahaginya ramai-ramai dengan segala petanda, itulah makanannya. Maka tali itupun diperbuatnyalah seperti sebenarnya, maka segala kedai yang anjur-menganjur itu juga disuruhnya buang."

Kebiasaan pembesar istana pergi ke rumah saudagar kaya dan mendapat bingkisan daripada saudagar berupa emas atau barang yang turut dicatatkan oleh Tun Seri Lanang. Pembesar yang tidak pernah datang ke rumah saudagar kaya ialah Tun Hasan Temenggong, meski orangnya sendiri mengamalkan rasuah, tetapi beliau bersikap tegas terhadap amalan ini seperti yang dinukilkan, iaitu:

"Maka Ali Manu Nayan pun datang. Maka katanya pada Tun Hasan Temenggong, 'Orang Kaya, semua orang besar-besar di dalam Melaka ini datang ke rumah hamba, melainkan orang kaya juga yang tiada datang. Jikalau dapat, marilah orang kaya bermain-main ke rumah hamba; hingga berdiri sahaja di hadapan kedai hamba, sepuluh tahlil emas kupersembahkan,' Maka kata Tun Hasan Temenggong, 'Nuni haram zadah! aku engkau hendak beri makan sedekah. Jika pada bapa-bapamu yang lain boleh demikian.'"

Tetapi sayang sikap Tun Hasan Temenggong tidak diteladani oleh orangnya sendiri kerana rasuah sudah menjadi amalan biasa dan budaya di Melaka. Ini dilakukan oleh pembesar sebagai penerima dan saudagar kaya sebagai pihak yang memberi.

Amalan rasuah juga berlaku jika ada persengketaan. Pihak yang bersengketa akan merasuah orang yang sepatutnya menjadi hakim. Contohnya persengketaan antara Nina Sura Dewana dengan Raja Mendeliar, kedua-duanya adalah saudagar kaya seperti dinyatakan:

"Telah hari malam, maka Nina Sura Dewana pun fikir pada hatinya, 'Adapun bahawa Raja Mendeliar itu orang kaya; kalau ia menyorong pada Datuk Bendahara nescaya alah aku. Jikalau demikian, baiklah aku pada malam ini pergi pada Bendahara.'... Maka Nina Sura Dewana pun masuk mengadap Bendahara. Maka Bendahara pun keluar. Maka emas yang sepuluh kati itupun dipersembhkannya pada Bendahara. Maka kata Nina Sura Dewan pada Bendahara, 'Tuanku, emas ini persembah saya akan pembeli-pembeli sirih pinang Tuanku.'"

Setelah tahu perbuatan Nina Sura Dewana yang menyorongkan emas sepuluh kati kepada Bendahara Seri Maharaja daripada si Kitul maka Raja Mendeliar bertindak merasuah Laksamana Khoja Hasan dengan emas sebahara, permata yang baik dan pakaian yang indah agar Laksamana Khoja Hasan, orang rapat Sultan Mahmud, menyampaikan cerita kononnya Bendahara Seri Maharaja mahu merebut takhta. Cerita ini terdapat dalam bahagian ke-33 Sejarah Melayu, iaitu:

"Maka segala harta yang dibawanya itupun dipersembahkannya pada Laksamana... `Sahaya menghadap ini, sahaya berlepas taksir, supaya jangan sahaya dikatakan orang sebicara dengan penghulu sahaya, kerana sahaya ketahui bahawa Datuk Bendahara hendak durhaka... Telah Laksamana melihat harta terlalu banyak itu maka hilanglah budi akalinya, sebab disamun harta dunia, yakni kata orang yang berilmu; `Hai emas, Tuhan bukannya engkau, tetapi yang kehendak di hati berlakulah olehmu.' "

Laksamana Khoja Hasan sendiri pada waktu melaksanakan perintah Sultan Mahmud membawa gajah kenaikan Sultan Abdul Jamil Yang Di Pertuan Pahang ke Melaka mengamalkan rasuah. Kali ini beliau sendiri menerima rasuah daripada Raja Mendeliar.

Demikian gambaran budaya rasuah dalam Sejarah Melayu yang berlaku pada zaman kemunduran kesultanan Melayu Melaka. Meski amalan rasuah diceritakan, Tun Seri Lanang tidak mencatatkan hukuman yang dijatuhkan terhadap pelakunya. Tetapi semua itu sudah cukup bagi sebagai ingatan betapa bahayanya amalan rasuah jika sudah menjadi budaya dalam masyarakat.

Cerita mengenai rasuah pada zaman kesultanan Melaka memberi pengajaran bagi kita. Ia tetap relevan sepanjang masa. Apa akan terjadi jika orang yang memegang jawatan dan amanah berkelakuan seperti si pelutut, laksamana Khoja Hasan, penunggu pintu, pengembala gajah dan anak buah Tun Hasan Temenggong manakala saudagar pula berkelakuan seperti Ali Manu Nayan, Nina Sura Dewana dan Raja Mendeliar. Sesebuah negara akan menjadi lemah tanpa perlu diserang oleh bala tentera yang besar.

Kita boleh mengambil iktibar daripada Sejarah Melayu sambil mengingati pesanan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada kakitangan awam supaya jangan menjadikan rasuah sebagai budaya. Di peringkat sekolah, guru dan pelajar wajar mendalami nilai-nilai yang selama ini terkandung dalam Sejarah Melayu yang dilupakan kerana kita asyik menganggap mata pelajaran sejarah sebagai satu hafalan mengenai tarikh dan peristiwa. Sepatutnya kita mendalami nilai yang terkandung dalam Sejarah Melayu yang telah diterjemah dalam pelbagai bahasa sebagai pedoman kehidupan dan keperibadian kita.